

Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai Pendakwah Kontemporari: Analisis Konseptual terhadap Pendekatan dan Cabaran Dakwah Semasa

The Role of Islamic Education Teachers as Contemporary Preachers: A Conceptual Analysis of Current Dakwah Approaches and Challenges

Dgku Sh Farhana Ag Ku Jali*, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim** & Fareed Awae***

Article Information	ABSTRACT
<i>Received:</i> 26.11.2025 <i>Accepted:</i> 11.12.2025	Perkembangan teknologi dan perubahan sosial yang pesat menuntut guru Pendidikan Islam (GPI) menyesuaikan peranan mereka bukan sekadar sebagai seorang pengajar, tetapi juga sebagai seorang pendakwah yang berupaya membentuk nilai serta sahsiah murid mengikut tuntutan semasa. Walaupun beberapa kajian terdahulu membincangkan peranan dakwah GPI secara berasingan, peranan ini masih belum dikaji secara menyeluruh dari perspektif pendekatan kontemporari yang merangkumi ruang formal dan tidak formal. Artikel ini membincangkan secara konseptual peranan GPI sebagai pendakwah kontemporari dengan meneliti pendekatan yang boleh dilaksanakan dan cabaran yang dihadapi dalam konteks sekolah masa kini. Perbincangan ini turut menekankan bagaimana pendekatan dakwah melalui didikan dan bimbingan boleh dilaksanakan dengan cara yang lebih kreatif dan interaktif, seiring dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Antara cabaran yang dikenal pasti termasuklah beban tugas, kekangan masa, kemahiran digital yang terhad serta pengaruh budaya digital terhadap murid. Artikel ini mencadangkan pengukuhan kemahiran komunikasi, literasi digital dan kecekapan pedagogi sebagai asas memperkasa peranan dakwah kontemporari GPI di sekolah. Kesimpulannya, keberkesanan dakwah GPI bergantung kepada keupayaan mereka menggabungkan ilmu, hikmah dan teknologi secara seimbang agar mesej Islam terus segar dan bermakna dalam dunia pendidikan masa kini. Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, Dakwah Kontemporari, Cabaran dan Pendekatan, Literasi Digital The rapid development of technology and social change requires Islamic Education teachers (GPI) to adjust their roles, not only as educators but also as da'wah practitioners capable of shaping students' values and character in accordance with contemporary demands. However, although some previous studies have examined the role of GPI in da'wah separately, this role has not yet been studied comprehensively from the perspective of contemporary approaches that encompass both formal and non-formal contexts. This article conceptually discusses the role of GPI as contemporary da'wah practitioners by examining practicable approaches and the challenges faced in the current school context. The discussion also emphasizes how da'wah through teaching and guidance can be implemented in a more creative and interactive manner, in line with 21st-century learning requirements. The challenges identified include workload, time constraints, limited digital skills, and the influence of digital culture on students. The article proposes strengthening communication skills, digital literacy, and pedagogical competence as the foundation for enhancing the role of contemporary GPI da'wah in schools. In conclusion, the effectiveness of GPI da'wah depends on their ability to integrate knowledge, wisdom, and technology in a balanced manner so that the message of Islam remains fresh and meaningful in today's educational environment. Keywords: Islamic Education Teacher, Contemporary Da'wah, Challenges and Approaches, Digital Literacy

Citation Information: Ag Ku Jali, D. S. F., Tengku Kasim, T. S. A., & Awae, F. (2025). Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai Pendakwah Kontemporari: Analisis Konseptual terhadap Pendekatan dan Cabaran Dakwah Semasa. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 11(2), 46-56.

* Calon Sarjana di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: dkshfarhana21@gmail.com.

** Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: tgsarina@um.edu.my.

*** Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: fareedo2022@um.edu.my.

1. PENGENALAN

Perkembangan teknologi dan perubahan sosial yang pesat telah mengubah wajah pendidikan Islam di Malaysia. Dalam era pendidikan moden ini, guru Pendidikan Islam (GPI) tampil bukan sekadar sebagai pendidik, tetapi juga sebagai pendakwah kontemporari yang berperanan membentuk sahsiah dan nilai murid berasaskan ajaran Islam (Nur Aida Muhammad et al., 2022). Peranan ini menjadikan GPI sebagai agen perubahan moral dan spiritual yang bukan hanya mengajar ilmu agama, tetapi juga membimbing murid. Dalam dunia moden ini, keberkesanan dakwah GPI bergantung pada keupayaan mereka menyesuaikan pendekatan dengan realiti sosial dan mengikuti keperluan rohani generasi muda yang mudah terpengaruh oleh media dan teknologi moden. Oleh yang demikian, peranan ini menuntut GPI untuk menguasai pelbagai pendekatan dakwah kontemporari yang relevan dengan konteks semasa, khususnya dalam mendekati generasi muda yang hidup dalam persekitaran digital dan cenderung berfikir secara visual serta interaktif (Safinah Ismail et al., 2024). Penguasaan terhadap teknologi dan media baharu seperti platform media sosial dan kandungan video pendidikan memberi ruang kepada GPI untuk memperluas capaian dakwah secara kreatif dan berkesan. Sehubungan dengan itu, pendekatan dakwah yang bersifat mendidik (ta'dib) dan membimbing (tarbiyah) perlu disesuaikan dengan pendekatan pendidikan abad ke-21 agar mesej Islam dapat disampaikan secara efektif dan bermakna dalam persekitaran pendidikan masa kini.

Namun, pelaksanaan peranan dakwah ini turut berdepan pelbagai cabaran dalam realiti pendidikan semasa. Dalam pendidikan moden yang semakin mencabar, GPI sebagai pendakwah kontemporari memerlukan kebijaksanaan untuk menyeimbangkan antara aktiviti pengajaran di kelas, tugas profesional lain dan keperluan rohani, agar lahir umat yang seimbang dan harmoni selaras dengan konsep *Ummatan Wasoto* (Siti Zakiah Bahron et al., 2022). Walau bagaimanapun, GPI masih berdepan pelbagai kekangan yang menuntut kebijaksanaan dan keupayaan mereka dalam menyesuaikan strategi dakwah dengan realiti pendidikan serta perubahan sosial Masyarakat termasuk generasi muda masa kini. Dalam situasi ini, GPI perlu mengekalkan semangat dakwah dalam setiap interaksi dan tugas agar mesej Islam terus hidup walaupun dalam kesibukan tugas harian. Perubahan gaya hidup generasi muda dan pengaruh perkembangan teknologi telah membentuk persekitaran pembelajaran yang baharu, serta menuntut pendekatan dakwah yang lebih fleksibel dan responsif. Tambahan pula, murid hari ini sering terdedah kepada pelbagai maklumat digital yang belum tentu sahih. Kajian oleh Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al. (2023) menunjukkan bahawa generasi muda mudah memperoleh pelbagai informasi negatif daripada media sosial sekiranya tidak menguasai literasi digital dengan baik. Literasi digital merujuk kepada keupayaan murid menilai dan menggunakan maklumat digital secara bijak dan beretika, bukan sekadar kemahiran menggunakan teknologi. Perkara ini menjadikan peranan GPI sebagai pembimbing moral dan penilai maklumat semakin penting dalam membimbing murid menilai kebenaran serta membentuk akhlak yang kukuh dan berlandaskan nilai Islam. Oleh itu, GPI perlu mahir menggunakan teknologi dan bijak menjadikannya sebagai medium dakwah yang menarik dan berkesan. Justeru, keperluan terhadap penelitian konseptual menjadi semakin penting bagi memahami bagaimana peranan GPI dapat dioptimumkan sebagai pendakwah kontemporari yang bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut membentuk akhlak dan jiwa murid dalam acuan Islam. Penelitian ini penting untuk melihat bagaimana prinsip dakwah tradisional boleh disesuaikan dengan keadaan semasa tanpa menjejaskan nilai asas Islam.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis secara konseptual peranan GPI sebagai pendakwah kontemporari dengan meneliti pendekatan dakwah yang diaplikasikan serta faktor yang mempengaruhi keberkesanannya dalam konteks pendidikan semasa. Analisis ini diharap dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang keupayaan GPI menyesuaikan strategi dakwah dengan keperluan pendidikan masa kini dan cabaran sosial yang berubah, termasuk perubahan dalam generasi muda dan perkembangan teknologi. Selain itu, perbincangan ini juga diharap dapat menyumbang kepada pengukuhan amalan profesional GPI dan mempertingkatkan keberkesanan dakwah Islam dalam sistem pendidikan. Ia juga menegaskan peranan GPI sebagai pendakwah kontemporari serta pembimbing moral dan akhlak murid.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Konsep Dakwah Kontemporari

Konsep dakwah turut dijelaskan dalam al-Quran, melalui Surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Ayat ini menegaskan bahawa dakwah perlu disampaikan dengan hikmah, kebijaksanaan dan pendekatan yang sesuai dengan sasaran dakwah. Seiringan dengan itu, dakwah ialah usaha mengajak orang kepada Islam dengan menunjukkan teladan melalui amalan muslim yang baik. Dakwah merupakan satu rancangan lengkap yang membantu manusia memahami tujuan dan mengikuti jalan yang benar. Prinsip-prinsip ini masih relevan dalam dunia moden, di mana pendekatan dakwah perlu disesuaikan dengan perkembangan teknologi, komunikasi digital dan gaya hidup semasa agar mesej Islam terus berkesan dan mudah difahami.

Dakwah kontemporari merujuk kepada penyampaian dakwah Islam yang menggunakan pendekatan digital dan strategi komunikasi moden agar mesej Islam terus relevan dalam konteks masyarakat masa kini (Hanim Misbah, 2024). Dakwah telah berkembang daripada ceramah dan pengajian kitab tradisional kepada pendekatan digital dan interaktif dengan menggunakan platform seperti Instagram, YouTube, TikTok dan banyak lagi. Dakwah kontemporari menuntut pendekatan yang fleksibel dan kontekstual, selaras dengan perubahan serta minat masyarakat dan generasi muda terhadap komunikasi dua hala dan penyampaian kreatif (Hanim Misbah, 2024). Hal ini kerana komunikasi dua hala dan penyampaian kreatif memberi peluang kepada pendakwah dan sasaran dakwah untuk berinteraksi dengan lebih terbuka dan saling memahami. Melalui pertukaran pandangan dan maklum balas yang berlaku dalam platform digital, mesej Islam dapat disampaikan dengan cara yang lebih jelas dan mudah diterima. Pendekatan ini juga membantu menjadikan dakwah lebih berkesan serta menampilkan imej Islam yang positif, dan sesuai dengan realiti kehidupan masa kini (Nor Faizah Ismail & Muhammad Faisal Ashaari, 2018).

Selain itu, pelaksanaan dakwah menuntut kefahaman mendalam terhadap latar masyarakat dan cara berfikir masyarakat yang menjadi sasaran dakwah. Pendakwah kontemporari perlu menyesuaikan pendekatan dengan keperluan sasaran dakwah agar mesej Islam dapat disampaikan secara berkesan dan mudah diterima (Suriani Ismail & Ahmad Sabri Osman, 2024). Pada masa yang sama, keupayaan menghasilkan mesej yang kreatif serta penggunaan media digital secara berhemah amat penting bagi memastikan penyampaian dakwah kekal menarik, relevan dan selaras dengan etika Islam. Seperti yang dijelaskan oleh Saifulazry Mokhtar et al. (2023) dalam penulisan mereka bahawa pendakwah masa kini perlu celik teknologi, bijak menggunakan pelbagai platform dan menjaga adab komunikasi dalam talian supaya dakwah dapat diterima dengan baik dan membentuk persepsi positif terhadap Islam. Pendekatan ini menekankan kepentingan menghasilkan kandungan yang bersifat empati, mudah difahami dan memberi penyelesaian yang berkesan. Dengan cara ini, dakwah bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi juga membimbing serta memberi inspirasi kepada masyarakat untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks pendidikan Islam, GPI dapat menyesuaikan pendekatan pengajaran dan bimbingan mengikut keperluan murid. Mereka juga memanfaatkan teknologi digital sebagai ruang dakwah untuk membina kefahaman, nilai dan sahsiah murid. Memahami konsep dakwah kontemporari memberikan GPI landasan yang kukuh untuk melaksanakan peranan mereka dalam pendidikan dan dakwah dengan lebih berkesan (Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad, 2020). Pendekatan ini selaras dengan kemajuan teknologi dan keperluan generasi muda. Teknologi digital berperanan bukan sahaja sebagai medium penyampaian ilmu, tetapi juga sebagai ruang kolaboratif yang menggalakkan interaksi aktif antara guru dan murid dalam proses pembelajaran (Julianah Ahmad et al., 2025). Pendekatan ini membantu meningkatkan penglibatan murid, memupuk kreativiti serta memperkukuh kefahaman melalui aktiviti pembelajaran yang lebih bermakna dan kontekstual. Walaupun GPI mempunyai tahap kemahiran teknologi yang baik, masih terdapat kekurangan dari segi kemampuan menghasilkan bahan pengajaran multimedia interaktif. Kekurangan ini boleh menjejaskan keberkesanan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Jahidih Saili et al., 2024).

Pemahaman terhadap konsep dakwah kontemporari serta kemahiran menggunakan teknologi digital memberi ruang yang lebih luas untuk penyampaian ilmu serta membimbing murid secara berkesan. Kedua-dua aspek ini menjadi asas bagi GPI untuk melaksanakan peranan mereka dalam pendidikan dan bimbingan murid dengan lebih berkesan. Melalui kefahaman ini, GPI bukan sahaja dapat menyesuaikan pendekatan pengajaran dan bimbingan mengikut keperluan murid, tetapi juga berupaya membentuk pemikiran dan sahsiah mereka melalui kaedah yang dekat dengan dunia semasa. Oleh itu, penguasaan terhadap konsep dakwah kontemporari menjadi landasan penting bagi GPI dalam melaksanakan peranan mereka secara berkesan dalam pendidikan.

2.2 Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Konteks Pendidikan Islam Kontemporari

Dalam konteks pendidikan Islam kontemporari, GPI memainkan peranan bersepadu sebagai pendidik dan pendakwah yang membentuk kefahaman serta penghayatan Islam dalam kalangan murid. Secara formal, mereka mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, membimbing akhlak dan membina sahsiah murid secara menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara aspek ilmu, iman dan amal. Peranan ini menjadikan GPI sebagai tunjang kepada usaha melahirkan generasi berilmu dan berakhlak mulia yang mampu mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Pada masa sama, GPI turut melaksanakan dakwah secara tidak formal melalui aktiviti kokurikulum, bimbingan rohani, program komuniti dan interaksi sosial yang membantu pemupukan nilai Islam dalam konteks kehidupan murid (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020; Ruslan Hassan et al., 2020; Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2021). Tambahan pula, GPI perlu peka terhadap

perubahan sosial dan teknologi yang mempengaruhi cara murid belajar dan berfikir supaya pendekatan pengajaran sentiasa relevan dan berkesan.

Gabungan dua aspek ini menjadikan GPI sebagai agen perubahan yang bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi turut menggerakkan usaha pembinaan akhlak dan kesedaran Islam di sekolah serta dalam komuniti. Hubungan rapat antara pendidikan dan dakwah menegaskan bahawa dalam pendidikan terdapat unsur dakwah, manakala dalam dakwah terkandung nilai pendidikan yang membentuk insan secara holistik (Hassan Basri Tanjung, 2020; Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail, 2018). Melalui gabungan aspek formal dan tidak formal ini, GPI bukan sahaja menyampaikan ilmu, malah turut membimbing murid memahami dan menghayati nilai Islam dengan lebih mendalam dalam kehidupan seharian. Oleh itu, peranan GPI dalam sistem pendidikan bukan hanya untuk mengajar, tetapi juga untuk mengukuhkan misi dakwah Islam melalui pembentukan murid yang beriman, berilmu dan berakhlak mulia.

Dalam era digital masa kini, GPI memainkan peranan penting untuk menyesuaikan strategi PdP dengan teknologi pendidikan bagi memastikan penyampaian nilai Islam kekal relevan dan berkesan. Pemanfaatan media digital dan komunikasi interaktif menjadi strategi penting dalam menyampaikan mesej Islam secara relevan, berkesan dan beretika dalam konteks pendidikan moden. Menurut Suhaida Mohd Sukis et al. (2023), penerapan teknologi digital dalam proses pengajaran yang berpusatkan murid berupaya meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar secara lebih aktif dan bermakna. Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan ini memberi peluang kepada GPI untuk mengintegrasikan nilai dan kefahaman Islam melalui pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan sesuai dengan cara belajar generasi masa kini.

Peranan GPI dalam pendidikan bukan sekadar mengajar, tetapi turut melibatkan bimbingan, pembentukan sahsiah dan pengukuhan kefahaman Islam dalam diri murid. Berdasarkan perbincangan sebelum ini, jelas bahawa GPI menggabungkan pengajaran formal, pendekatan tidak formal dan penyesuaian terhadap perkembangan teknologi bagi memastikan nilai Islam dapat disampaikan dengan berkesan kepada generasi kini. Hal ini menjadikan mereka sebagai penghubung penting antara pendidikan dan dakwah dalam suasana sekolah. Sebagai penutup, kefahaman menyeluruh tentang peranan ini menuntut penelitian yang lebih mendalam terhadap pendekatan dan strategi dakwah kontemporari yang digunakan oleh GPI dalam amalan profesional mereka.

2.3 Pendekatan dan Strategi Dakwah Kontemporari

GPI melaksanakan dakwah melalui pendekatan yang pelbagai dan adaptif mengikut keperluan semasa. Dalam konteks formal, pelaksanaan dakwah di sekolah disampaikan melalui pengajaran Pendidikan Islam di dalam bilik darjah serta aktiviti luar bilik darjah yang terancang, termasuk program seperti ceramah dan seminar keagamaan. Pendekatan ini memastikan pendidikan Islam dilaksanakan secara teori dan amali dalam usaha membentuk kefahaman agama dan sahsiah murid secara menyeluruh (Ahmad Sahlan Abdul Hatim et al., 2020). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam menekankan pembentukan insan secara menyeluruh melalui penyampaian ilmu, kemahiran dan penghayatan nilai Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan hamba Allah yang berilmu, berakhlak serta berperanan membangunkan diri, masyarakat dan negara ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Kajian terkini menunjukkan bahawa GPI wajar menyesuaikan kaedah pengajaran dengan penggunaan teknologi digital supaya penyampaian ilmu Islam kekal menarik dan bertepatan dengan keperluan masa kini (Nor Alniza Azman et al., 2025). Penguasaan teknologi dalam pengajaran turut membantu memperkukuh peranan GPI sebagai pendakwah kontemporari yang mampu menyampaikan mesej Islam dengan cara yang lebih kreatif dan dekat dengan realiti generasi kini.

Dalam konteks tidak formal, GPI turut memainkan peranan penting sebagai pembimbing rohani kepada murid melalui pendekatan mesra dan santai di luar bilik darjah. Kajian oleh Syafiqah Solehah Ahmad et al. (2025) menunjukkan bahawa hubungan berasaskan empati serta interaksi santai seperti perbualan harian membantu guru memahami keperluan murid dengan lebih mendalam dan dalam masa yang sama memperkukuh pembentukan sahsiah dan amalan nilai Islam dalam kalangan mereka. Pendekatan ini menjadikan proses dakwah lebih dekat dengan kehidupan murid kerana ia berlaku dalam suasana yang terbuka, santai dan mendorong mereka untuk berkongsi pandangan serta pengalaman hidup mereka secara jujur. Pandangan ini turut disokong oleh Salbiah Mohamed Salleh et al. (2018) yang menegaskan bahawa GPI perlu menonjolkan keperibadian dan akhlak terpuji kerana sikap serta teladan yang ditunjukkan mempunyai pengaruh besar terhadap pembentukan nilai dan sahsiah murid. Seiring dengan perkembangan teknologi dan perubahan gaya komunikasi masa kini, GPI turut perlu menyesuaikan pendekatan dakwah mereka agar kekal relevan dalam ruang digital.

Dalam konteks perkembangan digital, GPI turut memanfaatkan media sosial sebagai medium dakwah yang kreatif, interaktif dan mudah diakses, contohnya platform seperti TikTok, yang berkesan dalam penyebaran mesej Islam (Siti Nuroh Mohamed et al., 2025). Kajian mereka menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah digital bergantung pada kredibiliti penyampai, gaya komunikasi yang tenang dan mesra serta penggunaan kandungan yang kreatif dan sesuai dengan sasaran dakwah. Dengan pendekatan ini, mesej Islam dapat disampaikan dengan lebih santai dan tetap berasaskan sumber yang sahih serta membolehkan GPI mengintegrasikan dakwah digital dalam pengajaran dan menjadikan pembelajaran lebih menarik, bermakna, dan selari dengan gaya hidup generasi muda.

Gabungan pendekatan formal, tidak formal dan digital membolehkan usaha dakwah dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, dan selari dengan keperluan murid masa kini. Keupayaan GPI menyesuaikan pendekatan dakwah dengan perubahan sistem pendidikan dan perkembangan teknologi turut memastikan mesej Islam disampaikan secara lebih relevan dan berkesan. Seiring dengan tuntutan pendidikan abad ke-21, GPI perlu menguasai kemahiran pedagogi, literasi digital dan penggunaan teknologi bagi menyokong pelaksanaan dakwah yang lebih bermakna. Kajian Fetylyana Nor Pazilah et al. (2023) menegaskan bahawa bagi guru, literasi digital, kemahiran pedagogi serta kebolehan berfikir kritis dan bekerjasama merupakan keperluan penting dalam sistem pendidikan masa kini. Penguasaan kecekapan ini bukan sahaja menyokong pelaksanaan dakwah yang lebih berkesan, malah menjadi asas penting kepada keupayaan GPI menghadapi pelbagai cabaran dalam konteks pendidikan dan masyarakat semasa.

2.4 Cabaran Guru Pendidikan Islam sebagai Pendakwah Kontemporari

Guru Pendidikan Islam berdepan pelbagai cabaran dalam melaksanakan peranan dakwah pada era kontemporari. Cabaran ini merangkumi aspek dalaman dan luaran yang mempengaruhi keupayaan mereka melaksanakan tanggungjawab secara berkesan. Secara umumnya, cabaran ini berlaku sama ada dalam situasi pengajaran formal mahupun interaksi tidak formal bersama murid. Dari aspek dalaman, antara isu utama yang dihadapi ialah beban tugas pengajaran yang tinggi, kekangan masa dan kekurangan latihan yang relevan dengan keperluan dakwah masa kini. Kajian Mohd Faez Ilias et al. (2022) menunjukkan bahawa beban kerja dan kekangan masa boleh menjejaskan fokus serta keberkesanan guru dalam proses pengajaran Pendidikan Islam. Sementara itu, Mohamad Fuad Haji Ishak et al. (2024) menegaskan bahawa kekurangan latihan dan pendedahan terhadap pendekatan dakwah semasa menjadi faktor yang membataskan keupayaan GPI menyesuaikan diri dengan perubahan dan keperluan pendidikan moden. Cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa aspek dalaman yang dihadapi GPI memberi kesan ketara dalam konteks formal, khususnya ketika merancang dan melaksanakan PdP; namun aspek dalaman tersebut tidak terhad kepada konteks formal kerana ia turut mempengaruhi keberkesanan dakwah dalam situasi tidak formal.

Isu tersebut menjejaskan keupayaan GPI untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih kreatif serta berkesan. Apabila sebahagian besar masa dan tenaga guru tertumpu kepada tugas rutin seperti pengurusan kelas dan pentadbiran sekolah, ruang untuk meneroka pendekatan dakwah yang inovatif menjadi semakin terhad. Hal ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa program dakwah di sekolah sering diurus mengikut rutin tahunan dan kemampuan organisasi semasa, sehingga pelaksanaannya menjadi bermusim dan kurang memberi ruang kepada pengembangan pendekatan yang lebih kreatif dan berterusan (Arbaenah Masud & Abd Hadi Borham, 2023). Keadaan ini boleh mengurangkan keberkesanan penyampaian nilai dan mesej Islam terhadap murid. Selain itu, kekurangan latihan profesional turut menyebabkan sebahagian GPI masih bergantung pada pendekatan pengajaran tradisional, sedangkan murid masa kini lebih cenderung kepada kaedah pembelajaran yang interaktif, kolaboratif dan berasaskan teknologi. Oleh itu, peningkatan kecekapan pedagogi amat penting bagi membantu GPI menyesuaikan pendekatan dakwah dengan keperluan serta realiti pendidikan semasa.

Namun, cabaran dalam konteks formal sahaja tidak mencukupi untuk menggambarkan cabaran dakwah GPI pada masa kini. Dalam situasi tidak formal, GPI berpeluang menyampaikan dakwah secara spontan di luar bilik darjah, contohnya semasa berada di kantin, koridor mahupun padang sekolah. Walau bagaimanapun, keberkesanan dakwah GPI dalam situasi tidak formal turut dipengaruhi oleh faktor personal. GPI perlu menyeimbangkan tanggungjawab mengajar dan pentadbiran di sekolah kerana tekanan atau masalah peribadi boleh menjejaskan fokus, produktiviti, dan kualiti penyampaian dakwah (Rosnah Ishak & Siti Nur Fatimah Rusman, 2018). Selain itu, situasi-situasi ini memerlukan kemahiran komunikasi yang fleksibel dan kesedaran emosi yang tinggi kerana kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran komunikasi interpersonal (Romlah Ramli & Nur Syahirah Azali, 2025). Hal ini menunjukkan bahawa GPI perlu menguasai kecerdasan emosi untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dalam situasi dakwah tidak formal.

Dari sudut luaran, perubahan sosial dan pengaruh budaya digital turut memberi kesan terhadap keberkesanan dakwah GPI. Antara kesannya, media dan budaya popular membantu memperluaskan penyebaran budaya digital, menarik minat generasi muda, mempengaruhi gaya berpakaian, minat, aktiviti harian dan pembentukan nilai serta sikap hidup mereka (Damia Aisyah Ahmad Fuad et al., 2023). Kesan ini juga dapat dilihat melalui cara murid berfikir, berinteraksi dan menilai sesuatu isu yang semakin banyak dipengaruhi oleh kandungan media sosial yang bersifat hiburan dan cepat berubah. Akibatnya, generasi muda kini lebih terdedah kepada hiburan, media sosial dan bentuk pembelajaran interaktif, menjadikan pendekatan dakwah konvensional semakin sukar menarik perhatian mereka (Nor Diyanah Zafri et al., 2023). Selain itu, pelbagai kandungan dakwah dalam talian yang tidak pasti sumbernya, ditambah pula dengan terlalu banyak maklumat dan fakta yang mengelirukan, menyebabkan pengguna mudah keliru termasuklah juga generasi muda (Husna Salehudin et al., 2024). Murid kini terdedah kepada pelbagai pandangan dan tafsiran yang tidak semestinya tepat atau bersandarkan sumber yang sahih yang menuntut kebijaksanaan guru dalam menjelaskan isu agama secara berhemah. Oleh itu, GPI perlu lebih fleksibel dan kreatif dalam memanfaatkan teknologi serta platform digital sebagai medium dakwah agar mesej Islam kekal segar, menarik dan relevan dengan realiti semasa. Pendekatan ini seiring dengan pandangan al-Ghazali yang menekankan pentingnya guru menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut tahap kefahaman murid bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran (Jalaldeem Jemeela & Dawood Al-Hidabi, 2025).

Justeru itu, cabaran yang dihadapi GPI sebagai pendakwah kontemporari berpunca daripada faktor dalaman seperti beban tugas dan kekurangan latihan serta faktor luaran seperti perubahan sosial dan budaya digital. Dalam menghadapi realiti ini, GPI perlu memahami keperluan semasa murid serta menguasai kemahiran yang relevan dengan dunia pendidikan hari ini. Keupayaan GPI menyesuaikan pendekatan dakwah secara inovatif dan kontekstual amat penting bagi memastikan mesej Islam terus berkesan dalam konteks pendidikan moden.

3. PERBINCANGAN KONSEPTUAL


3.1 Pendekatan Dakwah Guru Pendidikan Islam sebagai Pendakwah Kontemporari

Peranan GPI sebagai pendakwah kontemporari menuntut pendekatan yang lebih kreatif dan mendorong pemikiran murid. Sehubungan itu, pendekatan *tadzakkur* yang diketengahkan oleh Tengku Nor Husna Tengku Jamil et al. (2019) dapat dijadikan asas dalam memperkukuh strategi dakwah melalui pengajaran yang merangsang pemikiran murid seperti kaedah soal jawab, inkuiri dan tazkirah. Dalam masa yang sama, pendekatan pengajaran kolaboratif membantu GPI melibatkan murid secara aktif melalui aktiviti seperti perbincangan kumpulan, projek dan kolaborasi dalam talian yang sesuai dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 (Muhammad Fitri Ab Kadir et al., 2024). Tambahan lagi, menurut Nursafra Mohd Zhaffar et al. (2016), pengajaran Pendidikan Islam perlu menggalakkan pemikiran kritis supaya GPI dapat membantu murid memahami ajaran Islam secara mendalam dan mengaitkannya dengan kehidupan harian. Oleh itu, tugas GPI bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi berperanan membimbing murid menilai dan mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks dakwah kontemporari, pendekatan interaktif menjadi keperluan agar mesej Islam dapat disampaikan dengan lebih berkesan, menarik dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat (Muna Hajar Roslan et al., 2024). Melalui gabungan pendekatan ta'lim dan tarbiyah, GPI membentuk pemikiran, emosi serta tingkah laku murid melalui bimbingan yang berasaskan empati, kasih sayang dan komunikasi berhikmah. Pendekatan ini selaras dengan konsep *dakwah bil hal* yang menuntut GPI menjadi contoh melalui akhlak terpuji dan kebijaksanaan dalam menyesuaikan mesej Islam mengikut konteks serta keperluan semasa (Saifulazry Mokhtar et al., 2021). Oleh itu, pendekatan interaktif ini bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut menguatkan penghayatan murid terhadap nilai-nilai Islam.

Di luar bilik darjah, pendekatan dakwah GPI dapat dilihat melalui penglibatan sosial seperti program komuniti, aktiviti kemasyarakatan dan bimbingan murid di luar waktu formal. Pendekatan ini memperlihatkan peranan GPI yang lebih luas sebagai pendidik dan pendakwah. Melalui pendekatan ini, dakwah bukan hanya berlaku secara formal di sekolah, tetapi turut melibatkan usaha memahami keperluan rohani dan sosial pelajar. Hal ini seiring dengan pandangan Nurul Muliani Mohd Isa dan Rosmawati Mohamad Rasit (2017), yang menjelaskan bahawa peranan GPI sebagai pendakwah tidak terhad kepada bilik darjah semata-mata, tetapi turut meliputi usaha membimbing dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Aspek ini penting kerana keberkesanan dakwah bergantung pada keupayaan pendakwah memahami emosi, tahap penerimaan serta latar belakang sasaran dakwah. Disamping itu, GPI yang memiliki tahap empati dan kebolehan mengawal emosi yang tinggi mampu mengurus hubungan dengan murid dan masyarakat secara berkesan (Abdul Arif Sidi et al., 2021). Pendakwah yang mampu memahami perasaan sasaran dakwah dapat menyampaikan mesej Islam dengan cara yang lebih lembut, berkesan dan tidak bersifat menghakimi.

Dalam perkembangan dunia digital, media sosial menjadi platform penting bagi penyebaran dakwah kerana membolehkan mesej Islam disampaikan secara dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui pelbagai aplikasi seperti YouTube, TikTok, Instagram dan WhatsApp (Muhammad Yusry Affandy Md Isa & Siti Hanisah Hasbullah, 2024). Melalui media digital, GPI dapat mendekati murid dengan cara yang lebih bersesuaian dengan pengalaman harian mereka. Selain itu, penguasaan literasi digital membolehkan GPI mengintegrasikan elemen dakwah secara kreatif melalui penggunaan bahan multimedia interaktif, video pendek, dan kandungan visual yang menarik minat murid. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas capaian dakwah, malah menjadikan pengajaran nilai Islam lebih relevan dengan gaya komunikasi dan budaya digital generasi kini (Nazirah Hamdan et al., 2023). Oleh yang demikian, pendekatan dakwah kontemporari menuntut GPI menggabungkan ilmu, hikmah dan teknologi secara berkesan agar mesej Islam kekal relevan dan difahami dalam konteks pendidikan moden.



Rajah 1: Pendekatan Dakwah Guru Pendidikan Islam sebagai Pendakwah kontemporari

3.2 Cadangan Pengukuhan Peranan Dakwah

Penguksuhan peranan GPI sebagai pendakwah di sekolah perlu dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh. Bagi mencapai hasrat ini, GPI perlu memperkukuh kemahiran komunikasi, penguasaan pedagogi Islam dan literasi digital agar lebih bersedia menghadapi perubahan corak pembelajaran berasaskan teknologi (Nur 'Atieqah Mohd Zainudin & Miftachul Huda, 2025). Peningkatan kemahiran ini membolehkan GPI menyesuaikan pendekatan penyampaian dengan keperluan pendidikan masa kini, seterusnya membantu pelaksanaan dakwah menjadi lebih berkesan. Selain itu, latihan berfokuskan pendekatan interaktif serta penggunaan teknologi digital juga perlu diberikan bagi membantu GPI menyampaikan mesej Islam dengan lebih menarik dan berkesan. Di samping itu, amalan refleksi sendiri dan bimbingan profesional berasaskan muhasabah dapat membantu GPI memperkukuh keinsafan diri serta membina kematangan spiritual dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendakwah di sekolah (Rumaizah Rahim et al., 2025). Pendekatan ini bukan sekadar meningkatkan kecekapan profesional GPI sebagai pendakwah kontemporari, tetapi turut mewujudkan suasana pembelajaran berasaskan nilai Islam dan kesedaran rohani supaya GPI sentiasa menilai diri dan bertanggungjawab dalam tugas mereka.

Pada masa yang sama, pengukuhan peranan dakwah juga memerlukan sokongan daripada ekosistem sekolah secara menyeluruh. Di peringkat sekolah, nilai dan semangat dakwah perlu diterapkan secara terancang dalam PdPc serta aktiviti kokurikulum. Program seperti mentor-mentee, kelab dakwah dan aktiviti komuniti Islam di sekolah dapat menjadi medium pembentukan sahsiah serta mengukuhkan penghayatan murid terhadap ajaran Islam (Norhisham Muhamad, 2018). Kerjasama antara GPI dengan pihak pentadbir dan rakan guru juga penting bagi mewujudkan budaya sekolah yang berteraskan nilai Islam. Melalui kerjasama yang erat ini, pelaksanaan dasar dan aktiviti dakwah di sekolah dapat diselaraskan dengan lebih sistematik. Sokongan pihak sekolah dalam bentuk dasar, perancangan aktiviti dan pengurusan sistematik melalui jawatankuasa khas dapat memperkukuh impak pelaksanaan dakwah di sekolah (Arbaenah Masud, 2023). Langkah ini memastikan usaha dakwah tidak hanya bergantung pada inisiatif individu, tetapi diperkukuhkan melalui sistem pengurusan yang menyeluruh dan berstrategi.

Selain itu, peranan dakwah GPI dapat diperluas melalui penglibatan dengan komuniti dan organisasi luar sekolah. Kerjasama antara GPI, masjid, agensi Islam dan NGO dapat memperkukuh aktiviti dakwah berasaskan komuniti seperti khidmat masyarakat, kesukarelawanan dan bimbingan remaja, seterusnya membantu membentuk generasi muda yang berakidah kukuh (Ab. Halim Tamuri, 2021; Nor Azizah Mustapha et al., 2019). Melalui aktiviti-aktiviti ini, GPI bukan sahaja mendidik di bilik darjah, tetapi juga menjadi teladan yang menyebarkan nilai Islam secara langsung kepada masyarakat. Melalui pengalaman pembelajaran bersama komuniti, murid bukan sahaja mengembangkan sahsiah, kemahiran sosial dan nilai empati, tetapi juga memupuk tanggungjawab serta kesedaran terhadap peranan dakwah dalam kehidupan (Norain Azlan et al., 2020). Selain itu, institusi masjid berperanan sebagai pusat utama pendidikan dan pembangunan komuniti kerana berfungsi bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai ruang pembelajaran agama, kebajikan dan kegiatan remaja serta masyarakat. Dengan peranan ini, masjid menjadi platform tambahan yang menyokong usaha pendidikan Islam secara menyeluruh melalui penganjuran pelbagai program komuniti dan dakwah (Mariam Abd. Majid et al., 2023). Pendekatan ini memastikan murid bukan sahaja memperoleh ilmu, tetapi turut dididik menjadi individu yang aktif menyebarkan nilai Islam dalam masyarakat.

Justeru, pengukuhan peranan GPI sebagai pendakwah kontemporari ini boleh dilihat melalui tiga tumpuan utama iaitu pemantapan diri GPI, pendekatan dakwah yang menepati realiti murid serta sokongan persekitaran sekolah dan komuniti. Usaha yang digabungkan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran profesional GPI, tetapi juga membantu penyampaian nilai Islam menjadi lebih jelas dan berkesan. Pendekatan menyeluruh ini dapat melahirkan GPI yang profesional, berilmu dan berhemah dalam menyampaikan mesej Islam yang relevan dengan cabaran pendidikan masa kini.

4. IMPLIKASI TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DAN DAKWAH SEMASA

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan dakwah oleh GPI memberi kesan yang signifikan terhadap keberkesanan Pendidikan Islam semasa. GPI bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga berperanan sebagai pendidik dan pendakwah kontemporari yang membimbing murid agar memahami dan menghayati ajaran Islam secara menyeluruh. Peranan ini menuntut GPI untuk bukan sekadar mengajar, tetapi menjadi mentor yang membimbing perkembangan rohani dan moral murid secara berterusan dan membina hubungan pembelajaran yang lebih bermakna. Seiring dengan tuntutan era digital, keperluan ini semakin mendesak apabila pendekatan dakwah kini memerlukan penggunaan teknologi yang lebih sistematik dan strategik. Oleh itu, dalam konteks dakwah kontemporari, GPI perlu menguasai kemahiran teknologi maklumat, komunikasi berkesan dan kreativiti penyampaian bagi memastikan mesej Islam disampaikan secara strategik serta berkesan melalui platform digital (Mohd Nazif Badruddin et al., 2017).

Dari sudut pengajaran, pendekatan dakwah masa kini memerlukan pembaharuan dengan menggabungkan teknologi digital, platform dalam talian dan media sosial agar penyampaian Islam lebih interaktif, berkesan serta sesuai dengan keperluan generasi masa kini (Nor Diyanah Zafri et al., 2023). Pendekatan ini juga membantu GPI menyesuaikan pengajaran mengikut tahap kemampuan murid dan memberi peluang kepada mereka untuk lebih aktif dalam pembelajaran. Selain itu, penggunaan media digital turut meningkatkan keberkesanan proses pengajaran kerana bahan seperti video, kuiz interaktif dan platform pembelajaran dalam talian menyediakan sokongan tambahan kepada murid (Yee Bee Choo et al., 2022). Melalui sumber ini, murid dapat mengulang kaji, memantau tahap kefahaman sendiri dan mengurus pembelajaran secara lebih teratur serta sendiri. Pendekatan ini membantu menghidupkan nilai Islam dalam proses pembelajaran dan memastikan mesej dakwah disampaikan dengan cara yang lebih berkesan. Kurikulum Pendidikan Islam seharusnya terus mengintegrasikan elemen tarbiah dan dakwah agar nilai-nilai Islam bukan sahaja difahami, tetapi juga dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, penggunaan pendekatan dakwah kontemporari oleh GPI turut membantu membentuk kemahiran insaniah murid seperti kepimpinan, kerjasama, tanggungjawab sosial dan pemikiran kritis. Melalui pengajaran yang menekankan elemen pemikiran kritis, murid digalakkan untuk berfikir secara mendalam, menilai maklumat dengan bijak serta mengaitkan ilmu dengan pengalaman harian. Pendekatan ini juga mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan reflektif, di mana murid berpeluang menyuarakan pandangan, menghargai pendapat orang lain dan mengamalkan nilai Islam dalam konteks kehidupan sebenar (Aminurrashid Ahmad Dahari et al., 2019). Di samping itu, pelajar bersikap positif terhadap dakwah dalam talian kerana platform digital memberi peluang untuk berbincang dan berkongsi ilmu Islam. Penglibatan ini membantu mengukuhkan kefahaman agama, keyakinan diri dan semangat pembelajaran berterusan (Anisa Rasyida & Tengku Siti Aisha Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, 2021). Melalui pendekatan ini, peranan GPI dapat diperluas ke ruang digital sebagai sebahagian daripada strategi dakwah yang lebih responsif terhadap keperluan semasa.

Oleh itu, penguasaan kemahiran dakwah kontemporari dan inovasi pengajaran oleh GPI dapat memperkukuh peranan mereka sebagai pendidik dan pendakwah yang membentuk sahsiah serta penghayatan Islam dalam kalangan murid. Pendekatan ini berupaya melahirkan generasi Muslim yang berilmu, beriman dan berakhlak, serta mampu menghadapi cabaran global tanpa mengabaikan prinsip syariah. Oleh itu, penekanan terhadap elemen dakwah dalam Pendidikan Islam penting bagi memastikan keseimbangan antara aspek ilmu, akhlak dan amalan dalam kalangan murid.

5. KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa peranan guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai pendakwah kontemporari menuntut kebijaksanaan dalam menyesuaikan pendekatan dakwah dengan realiti pendidikan semasa yang dipengaruhi oleh teknologi dan perubahan sosial. GPI bukan sahaja berfungsi menyampaikan ilmu, tetapi juga bertanggungjawab membentuk nilai, sahsiah dan kefahaman Islam secara holistik dalam kalangan murid. Cabaran seperti beban tugas, kekangan masa dan perbezaan kemahiran digital menuntut GPI terus meningkatkan kecekapan profesional serta kefahaman dakwah kontemporari yang sesuai dengan keperluan semasa. Oleh itu, penguasaan kemahiran komunikasi, literasi digital dan pendekatan pedagogi berasaskan nilai Islam menjadi keutamaan dalam memastikan dakwah lebih berkesan dan bermakna di sekolah. Secara keseluruhannya, keberkesanan peranan GPI bergantung pada kemampuan mereka mengimbangi penguasaan ilmu, kebijaksanaan dan penggunaan teknologi agar mesej Islam kekal relevan serta mampu membentuk akhlak murid dalam arus pendidikan masa kini.

Research and Publication Ethics Statement

Kajian ini bersifat konseptual dan menganalisis literatur sedia ada tanpa melakukan proses pengumpulan data daripada responden. Sumber atau rujukan dalam kajian ini diperolehi secara sah melalui pangkalan data akademik serta tiada maklumat peribadi yang digunakan dari mana-mana pihak. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga mematuhi etika penyelidikan dan penerbitan akademik, termasuk kejujuran serta penghargaan kepada penulis asal.

Contribution Rates of Authors to the Article

Semua penulis memberi sumbangan dalam penulisan artikel ini.

Statement of Interest

Semua penulis mengklarifikasikan bahawa mereka tidak mempunyai konflik kepentingan.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri. (2021). Konsep dan Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 1(1), 1–12.
- Abdul Arif Sidi, Mohd Isa Hamzah, & Ab Halim Tamuri. (2021). Tahap Amalan Religiositi dan Kecerdasan Emosi (EQ) dalam Kalangan GPI Sekolah Kebangsaan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(2), 16–31.
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim, & Mohd Nizam Sahad. (2020). Pendekatan dakwah kontemporari melalui kesenian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(3), 134–148. <https://doi.org/https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.392>
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim, Mohd Nizam Sahad, & Rosmawati Binti Mohamad Rasit. (2020). Persepsi Pelajar terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni dalam Aktiviti Dakwah Kesenian di SMKA Negeri Kedah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 1–16.
- Aminurrashid Ahmad Dahari, Asmawati Suhid, & Fathiyah Fakhruddin. (2019). Implementation Critical Thinking in Teaching Islamic Education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 805–823. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v8-i4/6756>
- Anisa Rasyida, & Tengku Siti Aisha Tengku Mohd Azzman Shariffadeen. (2021). Examining Factors that Influence IIUM Students' Involvement in Da'wah Activities via Social Media. *International Islamic University Malaysia*, 3(2), 27–42.
- Arbaenah Masud. (2023). Pelaksanaan program dakwah dalam aspek akidah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Johor. *AL-MAKRIFAH: Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 1(1), 15–25. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol1.1.2.2023>
- Arbaenah Masud, & Abd Hadi Borham. (2023). Pengurusan Program Dakwah dalam kalangan Pentadbir Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Johor. *Borneo International Journal*, 6(3), 16–21.
- Damia Aisyah Ahmad Fuad, Nur Daria Areefa Abdillah, Nur Farisha Iliya Muhammad Fauzi, Nazmin Hanna Niery, & Natasha Mat Arof. (2023). Konflik nilai dan penyesuaian budaya popular dalam komunikasi belia Muslim. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 6(2), 93–108. <https://doi.org/https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i2.7205>
- Fetylyana Nor Pazilah, Harwati Hashim, Melor Md Yunus, & Karmila Rafiqah M. Rafiq. (2023). Exploring Malaysian ESL Pre-service teachers' perceptions on knowledge of learners, digital literacy and 21st century competency. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 23(1), 300–317. <https://doi.org/https://doi.org/10.26803/ijlter.23.1.15>
- Hanim Misbah. (2024). Strategi pemasaran digital dalam dakwah Islam kontemporari: Menyesuaikan pendekatan komunikasi untuk era digital. *Jurnal Yadim*, 4(1), 110–143. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.276>
- Hassan Basri Tanjung. (2020). Manajemen strategi pengembangan pendidikan dan dakwah untuk generasi milenial. *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(2), 29–46. <https://doi.org/10.30868/im.v3i02.868>
- Husna Salehudin, Rosmawati Mohamad Rasit, & Zulkefli Aini. (2024). Keinginan bertingkah laku dari aspek penerimaan kandungan dakwah digital dalam kalangan netizen Muslim. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), 1–14. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2660>
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, & Zainab Ismail. (2018). Tarit personaliti pendakwah Muslim: Satu sorotan literatur. *Al-Hikmah*, 10(1), 34–54.
- Jahidih Saili, Muhamad Suhaimi Taat, & Nurul Hamimi Awang Japilan. (2024). Revolusi PDP Abad Ke-21: Analisis kecekapan teknologi guru Pendidikan Islam dalam konteks Sirah dan Tamadun Islam. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 7(27), 14–25. <https://doi.org/10.35631/IJMTSS.727002>
- Jalaldeen Jemeela, & Dawood Al-Hidabi. (2025). Al-Ghazali's framework of teachings professional values: Analyzing the pedagogical principles in Islamic Education. *Journal of Qur'an and Sunnah Studies*, 9(1), 27–46.
- Julianah Ahmad, Sabariah Sharif, & Rosy Talin. (2025). "This is me!": Creative digital storytelling with teacher–student and AI collaboration. *Jurnal Pendidikan Bitara*, 18(Special Issue), 163–170. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.sp.14.2025>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM): Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 1*. https://docx.my/dskp-pendidikan-islam-tingkatan-1/?utm_source=chatgpt.com#google_vignette
- Mariam Abd. Majid, Muhammad Aizat Syimir Rozani, Syarul Azman Shahrudin, Syaripah Nazirah Syed Ager, Zulkefli Hj Aini, Muhamed Yusof, Hajar Opir, Nur Mohammad Hadi Zahalan, Nurulbahiah Awang, Norun Najjah Ahmat, Muhammad Hanapi Jamaludin, & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Poa. (2023). Strategi pengkaderan sukarelawan masjid bagi pemerkasaan dakwah komuniti. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 3(2), 36–50.

- Mohamad Fuad Haji Ishak, Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Suziana Hanini Sulaiman, & Shazarina Zdainal Abidin. (2024). Analisis Pengalaman mengajar guru Pendidikan Islam dalam kesediaan melaksanakan pengajaran secara dalam talian. *Attarbiyyi: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 159–175.
- Mohd Faez Ilias, Julia Madzalan, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Annasaii Jamar, & Murihah Abdullah. (2022). Analisa faktor halangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari dalam penggunaan bahan bantu mengajar. *Sains Humanika*, 14(2), 51–57.
- Mohd Nazif Badruddin, Mohd Baharudin Othman, & Nor Hayati Mohd Jalil. (2017). Analisis strategi penyampaian mesej dakwah islamiah dalam halaman Facebook. *Al-'Abqari*, 12(Special Edition), 93–106.
- Muhammad Fitri Ab Kadir, Siti Suhaila Ihwani, Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek, Norly Marlia Kamaruddin, Nur Nadiyah Abdul Manap, & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain. (2024). Pengajaran kolaboratif dalam Pendidikan Islam: Satu tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 9(61), 866–877. <https://doi.org/10.55573/IISED.096172>
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa, & Siti Hanisah Hasbullah. (2024). Digital Da'wah: Leveraging social media to share Islamic knowledge. *Malaysian Journal of Innovation in Engineering and Applied Social Science*, 4(1), 349–356.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Peranan guru Pendidikan Islam dalam membawa transformasi terhadap mobiliti sosial dalam masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 178–188. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.429>
- Muna Hajar Roslan, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Muhammad Faisal Ashaari, & Anais Khaldi. (2024). Ciri berita bernilai dalam komunikasi dakwah oleh pendakwah selebriti wanita menerusi video Instagram: Analisis Kandungan. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(1), 1254–1271. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.434>
- Nazirah Hamdan, Nur Adilah Amiruddin, Noor Ain Mohd Noor, Khairunnisa A Shukor, & Ahmad Firdaus Mohd Noor. (2023). Mekanisme Dakwah Era Milenium di Malaysia: Satu Sorotan. *Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*, 3(2), 47–52.
- Nor Alniza Azman, Mohd Isa Hamzah, & Harun Baharudin. (2025). Digital teaching strategies of Islamic Education teachers: A case study in primary schools. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 24(3), 562–585. <https://doi.org/https://doi.org/10.26803/ijlter.24.3.27>
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, & Ahmad Irdha Mokhtar. (2019). Program dakwah di Institusi Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) dalam Memantapkan Akidah Remaja. *Al-Hikmah*, 11(2), 3–19.
- Nor Diyanah Zafri, Hajar Opir, & Amiratul Munirah Yahaya. (2023). Dakwah interaktif terhadap golongan belia melalui media sosial. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 54–69. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no2.528>
- Nor Faizah Ismail, & Muhamad Faisal Ashaari. (2018). Komunikasi dakwah dalam interaksi menerusi WhatsApp. *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 33–39.
- Norain Azlan, Najah Nadiyah Amran, & Hamdi Ishak. (2020). Amalan Service-Learning Berdasarkan falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam. *ISLAMIIYYAT*, 42(1), 23–33. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4202-03>
- Norhisham Muhamad. (2018). Pengaruh ansyitah (Aktiviti) terhadap pembentukan akhlak pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Sains Humanika*, 10(3-4), 9–19.
- Nur 'Atieqah Mohd Zainudin, & Miftachul Huda. (2025). Exploring the cultivation of digital skills among Islamic Education teachers in teaching and learning in Selangor Darul Ehsan. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development*, 10(72), 20–33. <https://doi.org/10.55573/IISED.107202>
- Nur Aida Muhammad, Khadijah Abdul Razak, & Ab. Halim Tamuri. (2022). Hubungan iklim sekolah dengan pelaksanaan pengajaran berpandukan pedagogi produktif guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 19(5), 81–97.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abd Razak, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2016). Ke arah Guru Pendidikan Islam sebagai pemikir kritis. *Sains Humanika*, 8(3), 9–15.
- Nurul Muliani Mohd Isa, & Rosmawati Mohamad Rasit. (2017). Guru GPI (Guru Pendidikan Islam) dalam karakter daie sebagai seorang pendidik. *Fikiran Masyarakat*, 5(3), 155–161.
- Romlah Ramli, & Nur Syahirah Azali. (2025). Pengaruh dimensi kecerdasan emosi terhadap kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan mahasiswa. 8(SI1), 53–76. <https://doi.org/https://doi.org/10.37231/api.2025.8.SI1.800>
- Rosnah Ishak, & Siti Nur Fatimah Rusman. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1–15.
- Rumaizah Rahim, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Abd Aziz Rekan. (2025). Syura dan muhasabah dalam kepimpinan distributif oleh Guru Pendidikan Islam: Memperkukuh komuniti pembelajaran profesional. *Journal of Islamic Educational Research*, 11(1), 11–19.
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar, & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Sumbangan guru Pendidikan Islam dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah. *Al-Hikmah*, 12(2), 19–34.
- Safinah Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, Haslina Ibrahim, Nazneen Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan, & Fatin Farzana Dass Meral. (2024). Kepentingan aplikasi digital dalam pembelajaran anak muda era industri 4.0. *Semarak International Journal of STEM Education*, 1(1), 28–38. <https://doi.org/https://doi.org/10.37934/sijste.1.1.2838b>
- Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Maziz al-Hadi Moharam, & Ismail Maidin. (2021). Dakwah bil akhlak kontemporari: Satu pendekatan dalam konsep keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business* 6(37), 111–123.

- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, & Mohd Nasrun Mohd Talib. (2023). Peranan media digital dalam dakwah kontemporari bagi membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(31), 47–60. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.831004>
- Salbiah Mohamed Salleh, Jamil Ahmad, Mohd Aderi Che Noh, & Aminudin Hehsan. (2018). Profil akhlak guru Pendidikan Islam di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 80–93.
- Siti Nuron Mohamed, Siti Nurwanis Mohamed, & Sabirin Yusoff. (2025). Peranan pempengaruh digital di TikTok dalam penyebaran al-Qur'an dan Hadis: Satu tinjauan naratif. *RABBANICA: Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 193–209.
- Siti Zakiah Bahron, Nursafra Mohd Zhaffar, & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah. (2022). Issues and challenges of Islamic Education teachers in da'wah through writing against teenagers. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 1611–1620. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i2/14336>
- Suhaida Mohd Sukis, Norhisham Muhamad, & Abd Hadi Borham. (2023). Amalan pentaksiran alternatif digital Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Kebangsaan. *Attarbavij: Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 44–57.
- Suriani Ismail, & Ahmad Sabri Osman. (2024). Analisis strategi dakwah kontemporari di Malaysia. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 55–67.
- Syafiqah Solehah Ahmad, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2025). Peranan guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing berkesan: Pemahaman terhadap keperluan pelajar, kesediaan dan cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development*, 10(74), 323–338. <https://doi.org/10.55573/JISED.107425>
- Tengku Nor Husna Tengku Jamil, Hasanah Khafidz, & Khazri Osman. (2019). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi melalui pendekatan tadzakkur. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 19, 33–45.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat, Hasnizam Hashim, Syh Noorul Madiah Syed Husin, & Mohamad Aniq Aiman Alias (2023). Kesan ketiadaan literasi digital ke arah salah laku seksual dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(1), 91–107.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Model guru Pendidikan Islam komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1), 63–74.
- Yee Bee Choo, Soo Kum Yoke, Lim Ai Teng, & Umairah Najihah Ismail. (2022). A systematic literature review on the use of digital media among Malaysian teachers and students during the Covid-19 Pandemic. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 1545–1555. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i2/14130>